

>>Oleh Shanty Nur
Shaffizan Shafee
shantynur@hmetro.com.my

Jual anak luar nikah

Metro 15-12-2009 Ms 4

Polis selamat 5 bayi

KUALA LUMPUR: 'Beli' RM2,000, jual RM20,000. Keuntungan lumayan itu diperoleh seorang wanita dikenali sebagai 'Aunty' yang bijak menabur janji manis memujuk warga asing sedang mengandung anak luar nikah, kononnya mahu mencarikan keluarga untuk memelihara bayi bakal dilahirkan.

Imbuhannya, wanita terba-bit ditawarkan RM5,000 sebagai sugu hati, selain akan menjaga serta membawa mereka ke klinik bersalin swasta bagi menjalani pemeriksaan kesihatan sehingga melahirkan anak.

Bagaimanapun, bayi terba-bit dijual pada harga antara RM15,000 hingga RM20,000 kepada pasangan terdesak yang mengimpikan cahaya mata termasuk golongan profesional seperti pensya-

Dua wanita Indonesia sarat mengandung 7 bulan ditahan

...protes, pengurus seperti p...
rah, pengurus syarikat dan
pembantu akaun.

Wanita terbabit pula hanya
dibayar RM2,000 berbanding
RM5,000 dijanjikan dengan
alasan bayi yang mereka
lahirkan perempuan
serta tidak cantik.

Kegiatan sindiket didalangi
wanita berusia 50-an dan ke-
luarganya itu bagaimanapun
dihidu pihak berkuasa dan
mereka tumpas dalam beber-
apa serbuan di sekitar
Banting, Klang dan Kajang
melalui Ops Kasih yang di-
lakukan minggu lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan
Jenayah Bukit Aman, Datuk
Seri Mohd Bakri Zinin ber-
kata, taktik sindiket itu ialah
dengan menawarkan perlin-
dungan kepada wanita hamil
luar nikah di kediaman me-
reka di Banting, Selangor.

“Kebanyakan wanita warga
asing terbabit dari Indone-
sia, Vietnam dan Filipina dan
terjebak dengan masalah so-
sial. Mereka tidak mahu bayi
yang dikandung dan sindiket
ini akan menjaga serta mem-
bawa mereka ke klinik bers-
alin swasta bagi menjalani
pemeriksaan kesihatan seh-
ingga melahirkan anak.

“Bayi yang dilahirkan akan
diserah kepada keluarga
angkat dengan bayaran
RM15,000 hingga
RM20,000, namun wanita
terbabit hanya dibayar
RM2,000 berbanding
RM5,000 dijanjikan dengan
alasan bayi itu perempuan
serta tidak cantik,” katanya
pada sidang media di Bukit
Aman di sini, semalam.

Serbuan berlangsung pada 4
dan 11 Disember itu me-
nahkan 13 suspek, termasuk
wanita terbabit yang disyaki
dalang utama bersama lapan
ahli keluarganya, seorang
dokter serta empat pembeli
terdiri daripada pensyarah,
pengurus syarikat, pemban-

OPS KASIH

> Sasaran:

Menumpaskan sindiket jual bayi
didalangi seorang wanita dikenali 'Aunty'

> Modus operandi:

Wanita tempatan dan warga asing hamil
anak luar nikah ditawarkan perlindungan.
Upah mengandung bayi RM5,000. Bayi
dijual RM15,000 hingga RM20,000

> Serbuan:

Dilakukan pada 4 dan 11 Disember
lalu di sekitar Banting, Klang dan Kajang

> Jumlah tangkapan:

13 suspek dengan lapan ahli keluarga
'Aunty', seorang doktor serta empat pembeli

> Polis selamat:

Lima bayi berumur antara dua minggu hingga sembilan bulan
serta seorang kanak-kanak berusia tiga tahun



MOHD BAKRI...sindiket
tawar perlindungan

tu akaun dan pekebun.

“Polis menyelamatkan lima
bayi berusia dua minggu hing-
ga sembilan bulan serta se-
orang kanak-kanak tiga tahun
yang dalam proses untuk di-
jual, selain dua wanita Indo-
nesia yang hamil tujuh bulan.

“Selain itu, polis turut me-
rampas telefon bimbit, pel-
bagai dokumen seperti sali-
nan kad pengenalan, sijil ke-

lahiran bayi, MyKid, buku
bank serta salinan slip ke-
masuk wang ke dalam
bank,” katanya yang percaya
sindiket itu aktif sejak lima
tahun lalu.

Menurut Mohd Bakri, se-
mua yang ditahan berusia 30
hingga 50 tahun direman seh-
ingga 18 Disember mengi-
kut Seksyen 48(1) Akta Ka-
nak-Kanak 2001 dan Akta
Antipemerdagangan Orang
2007.

“Polis masih mengesan sa-
ki-baki anggota sindiket serta
menjalankan siasatan terper-
inci termasuk pembabit se-
buah hospital swasta di Jalan
Pasar dekat sini serta urusan
dokumentasi kanak-kanak
dan bayi terbabit.

“Bayi serta kanak-kanak
yang diselamatkan itu kini
dijaga di pusat perlindungan
kanak-kanak Jabatan Ke-
bajikan Masyarakat (JKM) ma-
nakala dua wanita warga
asing terbabit dihantar ke
Jabatan Imigresen kerana ti-
dak mempunyai dokumen
perjalanan sah,” katanya.